

# Terbaik di kalangan terbaik

■ Elaine curah pengalaman, ilmu kepada generasi baru

Oleh WAN NORIZA MEOR  
IDRIS  
wannoriza@NSTP.com.my  
Kuala Lumpur

**G**eraknya tangkas, se-rangan tangan dan kakinya padu. Bu-kan calang-calang lawan mampu menumbangkan-nya. Itulah kehebatan jaguh taekwondo negara, Elaine Teo Shueh Fhern. Dia di-kenali kawan dan lawan. Ti-dak gentar bila berada di tengah gelanggang kejohanan, baik tempatan maupun antarabangsa sejak ber-giatan aktif dalam sukan tem-pur itu pada 1999.

Ramai kagum dengan pencapaian atlet kelahiran Melaka itu termasuk Aaraf Eid Pahamin Armin Baniaz yang menjadi anak murid terawal menyertai pusat latihan yang baru dibuka dua bulan lalu di Taman Tun Dr Ismail, Kuala Lum-pur.

Ketika ditanya, Aaraf bangga dipimpin Elaine yang dua kali layak ke Olimpik Athens 2004 dan Beijing 2008 serta pemegang pingat emas di Sukan Sea Brunei 1999, Kuala Lumpur 2001 dan Korat 2007.

Malah, si cilik berusia 10 tahun itu tidak menolak jika



satu hari nanti diberi kepercayaan bertempur di gelanggang seperti guru serta idolanya, Elaine yang juga pemenang pingat emas di Kejohanan Taekwondo Komelanwel.

Menurut Elaine, dia ter-haru apabila Aaraf paling awal mendaftar sebaik pu-sat latihan yang turut di-usahakan bersama dengan atlet elit negara, Nurul Nadia Mahamat.

ELAINE terharu Aaraf menjadi anak murid pertamannya.



**Profil**

**Nama:** Aaraf Eid Pahamin Armin Baniaz  
**Tarikh lahir:** 10 Disember 2002  
**Umur:** 10 tahun  
**Asal:** Kuala Lumpur  
**Pendidikan:** Garden International School, Bukit Kiara  
**Warna kegemaran:** Merah  
**Makanan kegemaran:** Spaghetti

**Profil**

**Nama:** Elaine Teo Shueh Fhern  
**Tarikh lahir:** 5 Februari 1981  
**Umur:** 32 tahun  
**Asal:** Melaka  
**Pendidikan:** Ijazah Pentadbiran Perniagaan Universiti Putra Malaysia (UPM)  
**Adik-beradik:** Anak ketiga dan tunggal perempuan dari empat beradik.  
**Warna kegemaran:** Kuning dan merah  
**Makanan kegemaran:** Mi Wantan

**Soalan (S):** Apakah tip un-tuk menjadi jaguh taek-wondo terhebat?

**Jawapan (J):** Berani, itu pa-ling utama. Seseorang itu perlu berani berdepan la-wan serta kecederaan untuk bergelar jaguh taekwon-do sebenar. Selain itu, seseorang itu perlu menanam disiplin yang tinggi.

**"Suka membaca kerana ilmu itu penting. Gemar buku berkaitan inspirasi"**

Elaine Teo Shueh Fhern

**Profil**



**Nama:**

Elaine Teo Shueh Fhern

**Tarikh lahir:**

5 Februari 1981

**Umur:** 32 tahun

**Asal:** Melaka

**Pendidikan:** Ijazah

Pentadbiran Perniagaan  
Universiti Putra Malaysia  
(UPM)

**Adik-beradik:** Anak ketiga dan tunggal perempuan dari empat beradik.

**Warna kegemaran:**

Kuning dan merah

**Makanan kegemaran:**

Mi Wantan

majukan lagi sukan taek-wondo tempatan. Meskipun sudah bersara, semangat juang saya pada sukan ini ti-dak pernah pudar dan ke-rana itu buat keputusan membuka pusat latihan sendiri.

Dengan adanya pusat latihan ini, saya boleh me-nurunkan ilmu serta penga-laman sebagai atlet negara kepada generasi baru. Me-reka yang menyertai pusat latihan ini turut diberi pe-

luang mewakili kelab atau negeri dalam mana-mana kejohanan.

**S:** Selain bersukan, apa ak-tiviti riadah di masa la-pang?

**J:** Suka membaca kerana il-mu itu penting. Gemar buku berkaitan inspirasi.

**S:** Apakah falsafah hidup Elaine?

**J:** Jadi yang terbaik di ka-langan yang terbaik.



**S:** Tahun lalu Elaine me-ngambil keputusan nekad untuk bersara kerana ke-cederaan, apa peranca-nan atau azam baru se-lepas ini?

**J:** Rancangan saya ingin me-